

# Usaha percepatkan pembangunan industri Swasta diseru beri penilaian baru ke atas pekerja kolar biru

UM - 6 JUN 1990

**K**UALA LUMPUR 5 Jun — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan kerajaan mahu melihat pihak swasta memberi penilaian yang baru kepada pekerja - pekerja kolar biru untuk mempercepatkan proses pembangunan industri negara.

Beliau berkata, jika dasar ini diubah lebih ramai belia dan lepasan sekolah berminat untuk meneruskan pengajian mereka dalam bidang kemahiran tangan dan sekaligus memberi aset kepada proses industri yang sedang berkembang.

"Inilah antara rancangan kerajaan pada masa akan datang kerana kita cuba memperbanyakkan lepasan yang mempunyai kemahiran tertentu.

"Jika pihak swasta mengubah penilaian mereka terhadap pekerja kolar biru dengan ganjaran gaji yang lebih tinggi, industri negara akan berkembang dengan lebih cepat," katanya ketika berucap menutup pertandingan kemahiran ketukangan kebangsaan di sini petang ini.

Perdana Menteri berkata ijazah pada masa akan datang se-

makin kurang nilainya jika dibandingkan dengan kemahiran kerja tangan.

Beliau menyeru ibu bapa jangan mempengaruhi anak-anak mereka supaya mengambil subjek yang mudah untuk menempatkan diri ke universiti.

Katanya, pasaran kerja pada masa akan datang amatlah kompetitif dan oleh itu jika mereka terus mempengaruhi anak-anak mereka supaya mengambil subjek yang mudah dengan harapan akan memperoleh ijazah,

perhitungan mereka sebenarnya salah.

"Pada masa akan datang, mereka yang mempunyai kemahiran tertentu sahaja yang akan mendapat perhatian syarikat - syarikat besar," kata Dato' Sri Dr. Mahathir.

Sekarang kerajaan sedang memainkan peranannya supaya pihak swasta menukar polisi mereka ke atas golongan pekerja kolar biru, katanya.

Menurut beliau, negara telah beralih dari pengeluar bahan-

bahan mentah kepada sektor industrial untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negara.

"Kini Malaysia memerlukan 11,000 jurutera kimia yang tidak mampu kita isi kerana sebab - sebab yang saya katakana tadi," tegas Perdana Menteri.

Perdana Menteri kemudiannya menyampaikan hadiah kepada para pemenang pertandingan kemahiran ketukangan yang akan mengikuti kursus latihan sambil belajar selama tujuh hari ke Jepun.